

# 'Kami tak mahu jadi mangsa'

Penduduk bantah cadangan bina jalan empat lorong, khuatir jejas keselamatan, kesihatan

■ NORAFIZA JAAFAR

**KEPONG** -Penduduk Kampung Delima di sini, membantah cadangan pembinaan jalan empat lorong dari Jalan Sibu Taman Wahyu ke Kepong Lama melalui kampung berkenaan kerana didakwa tidak memberikan manfaat kepada mereka.

Cadangan pembinaan jalan sepanjang kira-kira dua kilometer itu dilakukan pemaju sebagai kemudahan pembeli sebuah kondominium yang kini masih dalam proses pembinaan.

Ketua Umno Bahagian Batu, Datuk Yahya Mat Ghani berkata, pihaknya meminta laluan alternatif disediakan bagi menggantikan cadangan jalan asal melibatkan penggunaan kawasan kampung setelah mengambil kira pandangan penduduk.

Menurutnya, sekiranya projek tersebut diteruskan, ia dikhuatiri memberikan kesan kepada penduduk dari segi ke-

selamatan dan kesihatan.

"Difahamkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pihak berwajib telah mengeluarkan kebenaran kepada pemaju untuk membina jalan tersebut tanpa mengadakan perbincangan dengan penduduk terlebih dahulu.

"Dijangka pembukaan jalan baru itu akan menyebabkan penduduk di sini, menjadi mangsa kesesakan lalu lintas. Jika sekarang sahaja setiap pagi dan petang jalan utama penduduk sudah sesak, bila jalan baru dibuka ianya akan menjadi semakin sibuk," katanya.

Katanya, DBKL dan Kementerian diminta mengkaji laluan baharu bagi memastikan ia tidak merentasi kawasan kampung.

"Projek dijalankan di Taman Wahyu dan sepanjang pembinaan kondominium itu, kenderaan membawa muatan bahan binaan tidak melalui kawasan di sini, jadi kenapa nak guna kawasan sini bila projek



Taklimat awal berkenaan cadangan jalan ke kondominium yang dalam proses pembinaan dibantah.

siap?

"Penduduk tetap membantah walaupun cadangan jalan itu menggunakan tanah kerajaan kerana pembangunan yang dibuat tidak menguntungkan penduduk," katanya.

Sementara itu, wakil Penduduk, Mohd Rodzi Tajudin, 41, berkata, cadangan tersebut tidak dibincang-

kan kepada penduduk sebaliknya maklumat hanya diketahui melalui notis pengosongan tapak rizab JPS, 26 Ogos lalu.

"Arahan pengosongan itu membabitkan Dewan Masyarakat Kg Delima, bengkel usahawan belia.

"Cadangan tersebut tidak sesuai dan tidak selari dengan perjanjian 2004 yangewartakan kawasan kampung

dijadikan tempat tebatan banjir dan zon penampungan, bukannya pembangunan jalan mahupun projek perumahan," katanya.

Seorang penduduk, Rusli Muhamad, 50, berkata, penduduk tidak memerlukan jalan sebaliknya mengalu-alukan sebarang pembangunan yang memberikan manfaat kepada penduduk kampung.

"Kami tak perlukan jalan

yang hanya menguntungkan pihak luar, tapi jika didirikan klinik, kedai dan ruang niaga tidak apa.

"Harap pihak berwajib ambil kira pandangan kami dan menyediakan jalan alternatif lain tanpa melalui kampung bagi membolehkan kawasan tersebut digunakan untuk pembangunan penduduk," katanya.